

A. Tandakan (✓) pada ayat yang betul dan (X) pada ayat yang salah.

- (i) Ketua syarikat itu tidak menjalankan tanggungjawab dengan baiknya. ()
- (ii) Bapa Santesh bukan bekerja sebagai peguam lagi. ()
- (iii) Saya tidak ikut serta dalam lawatan itu kerana sakit perut. ()
- (iv) Nota ini bukan untuk saya tetapi kamu. ()
- (v) Jalan raya bukan tempat untuk berlumba. ()
- (vi) Perompak yang berjaya ditangkap semalam bukan seorang tetapi dua orang. ()
- (vii) Munirah bukan bertemu dengan saudaranya dalam majlis itu. ()

B. Isi tempat kosong dengan kata nafi yang sesuai.

- (i) Perpisahan dengan sahabat baiknya itu _____ dengan kerelaan hati Hakimi. (tidak, bukan)
- (ii) Letupan yang kuat itu _____ datangnya dari arah sana. (tidak, bukan)
- (iii) Syahirah _____ takut untuk bersaing dengan peserta yang lebih hebat daripadanya. (tidak, bukan)
- (iv) Wen Yih _____ kenal lelaki yang menyapanya tadi. (tidak, bukan)
- (v) Duit itu _____ kepunyaan saya. (tidak, bukan)

C. Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i) Gadis yang sombong itu _____ suka bergaul dengan penduduk kampung.

(ii) Kucing itu _____ baka kucing parsi.

(iii) Pokok mangga di belakang rumah saya _____ tinggi sangat.

(iv) Lelaki yang berkulit putih itu _____ warganegara Malaysia.

(v) Kemalangan bas ekspres itu _____ mengorbankan nyawa para penumpang.

tidak

tidak

bukan

bukan